

Kongres Dong Zong boleh cetus kekacauan: Tun M

BH- 21/12/2019 ml:12

PM beri amaran kesan tindakan pertubuhan pendidikan Cina kepada rakyat, negara

Oleh Magendran Rajagopal, Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi, Luqman Arif Abdul Karim dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, tindakan sebuah pertubuhan pendidikan Cina mahu menganjurkan kongres bagi membantah pembelajaran jawi di sekolah vernakular, boleh mencetuskan kekacauan dan tindak balas dari orang Melayu.

"Jika mereka mahu buat sesuatu yang sangat Cina, tindak balas orang Melayu akan sangat Melayu, (termasuk) meminta sekolah Cina ditutup. Kamu melakukan perkara seumpama itu dan kamu akan mendapat reaksinya," tegas Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas melawat Pusat Media Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 semalam, mengulas tindakan Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) menganjur kongres bagi membantah pengenalan pembelajaran Jawi di sekolah vernakular.


Beliau yang bimbang tindakan Dong Zong itu akan menyebabkan

pihak tertentu bertindak balas, bagaimanapun berkata, terserah kepada pertubuhan berkenaan jika mereka mahu keadaan seumpama itu berlaku di negara ini.

"Jika kamu mahu Malaysia menjadi seperti itu (kacau bilau), teruskan (penganjuran kongres). Semua orang akan menjadi miskin dan kita akan melihat ramai rakyat berhijrah ke negara lain," tegas Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga mengingatkan, biarpun undang-undang Malaysia memberi hak kepada semua untuk bersuara, kesesuaian menyuarakan hak berkenaan masih perlu diteliti bersama kesannya jika tindakan itu diteruskan.

"Ini adalah negara bebas, kami membenarkan kebebasan bersuara, tetapi kita juga perlu peka terhadap kaum lain yang tinggal di negara ini," katanya lagi.

 **Jika mereka mahu buat sesuatu yang sangat Cina, tindak balas orang Melayu akan sangat Melayu, (termasuk) meminta sekolah Cina ditutup. Kamu melakukan perkara seumpama itu dan kamu akan mendapat reaksinya.**

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

Kelmarin, Dong Jiao Zong dilaporkan menggesa pertubuhan Cina lain di negara ini mendaftar untuk menghadiri kongres berkenaan yang dijadual berlangsung di Kolej New Era di Kajang pada 28 Disember ini, kononnya untuk menjaga kedaulatan pihak lembaga sekolah vernakular.

Isu pembelajaran Jawi mencetuskan perbalahan pelbagai pihak sehingga mengheret ke kancah perkauman serta campur tangan parti politik berteraskan kaum Cina seperti MCA atau dengan keahlian majoriti dari kaum berkenaan seperti GERAKAN.

Pada 18 September lalu, GERAKAN memfailkan saman terhadap Kerajaan Pusat bagi mencabar keputusan kerajaan yang mahu melaksanakan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular yang disifatkan parti itu boleh membawa persepsi Islam disebarkan kepada pelajar agama lain.

GERAKAN melalui Presidenya, Dominic Lau Hoe Chai menamakan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik; Timbalannya, Teo Nie Ching dan Kerajaan Persekutuan sebagai responden.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 28 November, menolak permohonan parti politik berkenaan. Keputusan itu dibuat Pesuruhjaya Kehakiman, Amarjit Serjit Singh yang memutuskan tulisan Jawi adalah sebahagian daripada bahasa Melayu yang juga Bahasa Kebangsaan.

Amarjit juga dilaporkan berkata, pelaksanaan pembelajaran tulisan Jawi oleh kerajaan tidak bertentangan dengan semangat Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan.